

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN PRABAKARAN A/L
PARAMESWARAN [BATU]**

TARIKH : **18 NOVEMBER 2020 (RABU)**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk menggubal polisi baharu bagi kes kemalangan maut yang berpunca daripada pemandu mabuk dan di bawah pengaruh dadah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Seperti sedia maklum, Rang Undang-Undang (RUU) Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26 Ogos 2020, Dewan Negara pada 22 September 2020, mendapat perkenan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong pada 16 Oktober 2020 dan seterusnya telah dikuatkuasakan pada 23 Oktober 2020.
2. RUU Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 yang mengenakan hukuman lebih berat terhadap pesalah jalan raya khususnya melibatkan Seksyen 41 hingga Seksyen 45 diharapkan dapat memberikan kesedaran kepada orang ramai terhadap pematuhan undang-undang, menjadi pengguna jalan raya yang berhemah dan dalam masa yang sama memastikan jalan raya di negara ini kekal selamat.

Sekian, terima kasih.